

27 MAR 1997

Mahkamah-Balak

KES BALAK DI TAWAU TIDAK MENYALAHAI UNDANG-UNDANG

TAWAU, 27 Mac (Bernama) -- Mahkamah Majistret di sini hari ini diberitahu tiada kesalahan undang-undang dibuat berkaitan kes kayu balak yang dirampas oleh Jabatan Perhutanan di perairan berhampiran Pulau Sebatik dekat sini Januari lepas.

Peguam Kanan Persekutuan Nurcahaya Arshad memberitahu Majistret Egusra Ali bahawa polis telah menyelesaikan siasatan dan mendapati tiada kesalahan undang-undang dilakukan berkaitan kayu balak itu.

Nurcahaya yang dibantu Timbalan Pendakwa Raya Zahir Shah memohon kepada mahkamah supaya kesemua 3,307 kayu balak yang dirampas itu tidak lagi disimpan oleh polis seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 413 Kanun Prosedur Jenayah.

Beliau membuat permohonan itu dengan alasan polis tidak mempunyai kemudahan untuk menjaga barang kes itu dalam tempoh yang lama tambahan pula ia mudah rosak manakala pemiliknya yang telah dikesan, memerlukan bahan berkenaan.

Beliau turut memohon agar dua buah bot penunda, dua tongkang dan sebuah kren yang turut dirampas bersama-sama kayu balak itu dikeluarkan daripada simpanan pihak berkuasa mengikut peruntukan seksyen yang sama.

Nurcahaya turut memberitahu mahkamah Syarikat Raspond merupakan satu-satunya pihak yang menuntut kayu balak bersama barang kes yang lain itu dan memohon soal siasat dibuat bagi menentukan pemilik sah barangan itu dengan bantuan polis.

Sugumar Balakrishnan yang mewakili Syarikat Raspond, memohon tarikh paling awal untuk soal siasat itu kerana kayu balak berkenaan mudah rosak.

"Sejak rampasan, kualiti kayu balak itu telah merosot dengan banyak," kata Sugumar yang dibantu Poh Ping. Katanya beliau tiada halangan jika polis membantu dalam siasatan itu bagi menentukan pemilik barangan itu.

Egusra mengarahkan soal siasat itu dibuat selama dua hari bermula Isnin ini.

Kayu balak itu dirampas oleh Jabatan Perhutanan pada 18 Jan kerana disyaki cuba diseludup tanpa kebenaran.

Selain polis, Badan Pencegah Rasuah turut dipanggil menyiasat kes itu manakala sebuah jawatankuasa khas telah dibentuk oleh kerajaan negeri untuk membuat siasatan dan ia telah mengemukakan laporan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Jan lepas. -- BERNAMA

JS HJ MAI